

Kajian Tentang Kewujudan Isrā'īlyyāt di Alam Melayu Sebelum Kemunculan Tafsir al-Quran

Study on Isrā'īlyyāt in the Malay World Before the Emergence of Quranic Exegesis

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi^{a*}, Wan Nasyrudin Wan Abdullah^b

^aJabatan Sosiobudaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

^bInstitut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: zahiruddin@um.edu.my

Article history

Received: 2022-02-19

Received in revised form: 2024-05-13

Accepted: 2024-05-28

Published online: 2024-06-30

Abstract

The narrations of Isrā'īlyyāt are narrations that come from sources based on the pre-Islamic samawi religions, especially Jews and Christians which were later exaggerated by their priests. Usually, the history of Isrā'īlyyāt is in the form of stories such as stories from the supernatural, the stories of previous prophets and messengers, the stories of previous peoples and the stories of the end times. Islam teaches that, only Allah ﷻ is all-knowing of all the unseen, while the prophets and messengers were told by Allah ﷻ a small part of it. The scholars divide the narration of Isrā'īlyyāt into three divisions according to Shariah: 1. Maqbūl (accepted), 2. Mardūd (rejected), and 3. Maskut 'anhu (silenced). This paper takes the form of a qualitative study with a descriptive design. Based on the three referenced studies, it can be formulated that the influence of Isrā'īlyyāt in traditional Malay hikayat already existed prior to the emergence of Malay-language tafsir works.

Keywords: Isrā'īlyyāt, Malay World, Malay Classic Literature, Malay Islamic Hikayat, Tafsir

Abstrak

Riwayat Isrā'īlyyāt merupakan riwayat-riwayat yang datang daripada sumber yang disandarkan kepada agama samawi sebelum Islam, khususnya Yahudi dan Nasrani yang kemudian ditokok tambah oleh para pendeta mereka. Kebiasaannya riwayat Isrā'īlyyāt ini adalah dalam bentuk kisah seperti kisah dari alam ghaib, kisah Nabi dan Rasul terdahulu, kisah umat-umat terdahulu dan kisah-kisah akhir zaman. Islam mengajarkan bahawa, hanya Allah ﷻ sahaja yang Maha Mengetahui segala perkara ghaib, manakala para Nabi dan Rasul diberitahu oleh Allah ﷻ sebahagian kecil daripadanya. Para ulama membahagikan riwayat Isrā'īlyyāt kepada tiga pembahagian menurut syarak: 1. Maqbūl (diterima), 2. Mardūd (ditolak), dan 3. Maskut 'anhu (disenyapkan). Makalah ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk deskriptif, berdasarkan tiga tesis yang dirujuk, dirumuskan bahawa pengaruh Isrā'īlyyāt dalam karya-karya hikayat Melayu tradisional sudah wujud sebelum kemunculan karya tafsir berbahasa Melayu.

Keywords: Isrā'īlyyāt, Alam Melayu, Kesusasteraan Melayu Tradisional, Kesusasteraan Melayu Berunsur Islam, tafsir

1.0 PENDAHULUAN

Islam ialah sebuah agama yang mempunyai tradisi dan disiplin yang tersendiri dalam masalah periwayatan kisah-kisah berkaitan agama khususnya yang melibatkan perkara *ghaibiyat* (tidak dapat dicapai dengan pancaindera) dan *sam'iyat* (hanya boleh didengar melalui khabar berbentuk riwayat yang sah). Sebagai contoh, setiap riwayat yang didakwa sebagai kisah para Nabi dan Rasul perlu dipastikan kesahihannya, jelas serta benar sandaran sumbernya diambil daripada al-Quran atau al-Sunnah yang sah sahaja tanpa penambahan malah pengurangan (al-Ashqar 1997; al-Ashqar 2007).

Pascawafat Nabi Muhammad SAW (570-632M) wafat, cerita-cerita yang berasal daripada tradisi agama dan budaya selain Islam khususnya Yahudi dan Nasrani mula menyerap masuk dalam tradisi periwayatan Islam. Ini tidak pelik kerana, sebahagian daripada riwayat yang berasal dari Zabūr, Tawrāt dan Injil sendiri mempunyai banyak persamaan dengan apa yang wujud dalam al-Quran, selain daripada itu, sebahagian penganut Islam semenjak zaman Rasulullah SAW sendiri adalah berasal daripada penganut agama Yahudi dan Nasrani. Namun sebahagian besar daripada riwayat-riwayat dalam kitab-kitab *Samawi* yang terdahulu sudah diselewengkan oleh para pendetanya sendiri menggunakan tangan-tangan mereka (Surah al-Baqarah 2: 79). Ini menyebabkan para ilmuwan Islam secara umum dan ahli tafsir secara khusus sangat kritikal untuk menerima sebarang riwayat selain daripada al-Quran dan al-Hadis yang tidak menepati syarat *maqbūl*. Riwayat-riwayat seumpama ini dinamakan sebagai *al-Isrā'iliyyāt* (Al-Dhahabī t.t.; Abū Shahbah 1408H; Na' nā'ah 1970).

Riwayat *Isrā'iliyyāt* biasanya dikaitkan dengan karya tafsir al-Quran, subjek yang paling mendapat pengaruh riwayat *Isrā'iliyyāt* adalah kisah-kisah Nabi dan Rasul serta kisah selain Nabi dan Rasul termasuk kisah-kisah tentang alam dan makhluk ghaib yang ada asasnya dalam al-Quran dan al-Hadis. Dalam konteks Alam Melayu pula, pengaruh riwayat *Isrā'iliyyāt* sudah muncul lama sebelum karya-karya tafsir al-Quran lengkap 30 juzuk dihasilkan. Karya tafsir terlengkap 30 juzuk yang terawal ialah *Tafsir Tarjuman al-Mustafid* karya 'Abd al-Ra'ūf Singkel al-Fansūrī (1615-1693M) (Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel 2004; Zulkifli & Wan Nasyrudin 2005; Riddell 2017: 11-15), manakala tafsir tidak lengkap terawal pula *Tafsir Sūrah al-Kahf* yang tidak diketahui siapa pengarangnya (Riddell 2014: 120-139).

Antara karya yang menjadi rujukan utama dalam perbincangan mengenai riwayat *Isrā'iliyyāt* ialah Ḥusayn al-Dhahabī melalui karyanya *al-Isrā'iliyyāt fī al-Tafsīr wa al-Ḥadīth* dan Muḥammad Muḥammad Abū Shahbah melalui karyanya *al-Isrā'iliyyāt wa al-Mawdū'āt fī Kutub al-Tafsīr* (Ahmad Yunus & Zahidah 2018: 23-30). Tumpuan kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa riwayat-riwayat *Isrā'iliyyāt* sudah wujud dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional genre hikayat Melayu berunsur Islam (*The Malay Islamic Hikayat*) sebelum kemunculan penulisan tafsir al-Quran.

2.0 TINJAUAN LITERATUR DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian dalam bidang Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional-Klasik-Lama oleh R. O. Winstedt (1969), Teuku Iskandar (1995), Liaw Yock Fang (2016), Ismail Hamid (1983), Mohd. Taib Osman (1974), Annas Haji Ahmad (1982) dan Mana Sikana (2003) secara jelas menyatakan wujud satu genre khas pasca zaman Hindu-Buddha atau lebih tepat selepas zaman peralihan Hindu-Buddha kepada Islam. Genre tersebut dinyatakan sebagai '*Islamic literature*' oleh R. O. Winstedt, 'Sastera Agama' oleh Teuku Iskandar, 'Kesusasteraan Zaman Islam' oleh Liaw Yock

Fang, 'Sastera Bercorak Islam' oleh Ismail Hamid dan 'Sastera Pengaruh Islam' oleh Annas Haji Ahmad.

Dalam naskhah berjudul *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, pada Bab 4 Sastera Hikayat tulisan Siti Hawa Salleh, dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: 1. Sastera Hikayat Berunsur Hindu, 2. Sastera Hikayat Berunsur Hindu-Islam, dan 3. Sastera Hikayat Berunsur Islam. Kemudian dalam buku yang sama pada Bab 8 Cerita Nabi-nabi dan Tokoh-tokoh Islam tulisan Ismail Hamid, berlaku pertindanan dan persamaan dengan perbincangan dalam bab Sastera Hikayat Berunsur Islam ((Zalila Syariaf & Jamilah Haji Ahmad 1993: 348-392).

Dalam *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*, Ismail Hamid (1983: 6-23) menggunakan terma 'Kesusasteraan Melayu Pengaruh Islam', manakala Mustafa Mohd Isa (2000) menggunakan terma 'Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam' yang sekali gus menjadi tajuk karya tersebut, Mahayudin Haji Yahaya (2000) pula menggunakan terma 'Karya Klasik Melayu-Islam' yang juga dijadikan tajuk buku itu. Manakala Ali Ahmad, Siti Hajar Che' Man dan Jelani Harun (2005: 52-60) dalam *Tasawur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* menggunakan terma 'Karya Melayu Warisan Islam' dalam Bab 4, akan tetapi pada Bab 9 mereka menggunakan terma 'Warisan Persuratan Islam' (Ibid. 2005: 100-113). Dua daripada tiga orang penulis karya di atas, iaitu Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man (1996) dalam karya yang lain menggunakan terma 'Sastera Melayu Warisan Islam' sebagaimana judulnya, *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*.

Ismail Hamid (1983) dalam membahaskan genre yang sama secara komprehensif menulis sebuah monograf berjudul *The Malay Islamic Hikayat* yang terbit sebagai Monograf 1 Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua karya di atas mempunyai satu persamaan iaitu memasukkan karya-karya berbentuk manuskrip hikayat yang menceritakan tentang kisah-kisah Nabi dan Rasul terdahulu, Nabi Muhammad, sahabat Baginda, raja-raja dan pahlawan Islam dan orang-orang soleh dalam genre yang disebutkan di atas. Kajian ini memfokuskan analisis karya Hikayat Melayu Berunsur Islam berkaitan kisah-kisah Nabi dan Rasul yang merupakan satu sub genre bawah Kesusasteraan Melayu Tradisional-Klasik.

Secara khusus pula, Ismail Hamid dan Wahyunah Abd. Ghani (2002) pernah menyelenggara sebuah naskhah berjudul *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* yang membincangkan mengenai anatomi bentuk dan isi karya-karya hikayat tentang Nabi dan Rasul, namun sebagaimana kajian-kajian manuskrip Hikayat Melayu Berunsur Islam berkenaan kisah para Nabi dan Rasul yang lain karya ini juga tidak memfokuskan isu-isu kesahihan dan kebenaran riwayat-riwayat yang terkandung padanya khususnya bersabit dengan status riwayat yang berunsur *Isrā'iliyyāt*.

Manuskrip yang sudah dikaji meskipun menggunakan metode analisis kandungan, lebih cenderung dilihat dari aspek sejarah, kesusasteraan atau kebahasaan berbanding dari sudut disiplin periwayatan menurut ilmu-ilmu Islam. Sedangkan dalam Islam antara asas utama dalam meriwayatkan sebarang maklumat bersabit dengan agama termasuk riwayat yang berbentuk kisah-kisah dalam kategori *ghaibiyāt* dan *sam'iyāt*, perlu diketahui sumber asalnya apakah ia bertepatan dengan kisah-kisah yang ada dalam al-Quran dan al-Hadis yang sahih (Al-Ashqar 1997).

Budaya ilmu berkembang di Alam Melayu seiring dengan agama Islam yang turut berkembang di Alam Melayu, ia adalah fenomena baharu yang tidak pernah berlaku sebelum Islam menjadi agama dominan di Alam Melayu (Wan Mohd Nor 2019: 165-190). Fenomena ini dibuktikan dengan lahirkan budaya penulisan karya yang semakin meningkat, karya-karya tersebut menggunakan aksara Jawi yang dipinjam daripada bahasa Arab dengan enam huruf tambahan digunakan bagi menulis karya ilmiah pelbagai genre dan bahasa dialek di Alam Melayu (Hashim

Musa 2006). Naskhah-naskhah karya tersebut sebahagiannya masih kekal sampai hari ini, ia merupakan khazanah yang dijaga, dikaji dan dikenali sebagai Manuskrip Melayu atau Manuskrip Jawi (Wan Ali 2014; Ros Mahwati & Latifah 2014).

Tradisi kesusasteraan tradisional di Alam Melayu sudah bermula semenjak era Hindu dan Buddha malah sebelumnya lagi dalam bentuk lisan, pembinaan monumen, prasasti, batu bersurat dan manuskrip tulisan tangan. Bermula dari tradisi lisan yang berbentuk cerita rakyat, lipur-lara, mitos, legenda, epik dan dongeng kemudian berkembang menjadi sastera hikayat yang bertulis atau dikenali sebagai tradisi persuratan (Zalila Syariaf & Jamilah Haji Ahmad 1993).

Islam yang kemudian datang ke Alam Melayu, bertapak, berkembang seterusnya menjadi agama arus perdana yang paling dominan dianuti oleh bangsa Melayu mula mempengaruhi tradisi yang disebut sebagai sastera lisan yang berbentuk penceritaan dalam kalangan golongan bangsawan mahupun rakyat marhaen, sama ada secara lisan atau tulisan. Daripada orientasi penceritaan berkaitan dewa dewi dan segala kesaktian mereka, penceritaan mula berkisarkan kisah Nabi dan Rasul terdahulu, Nabi Muhammad, para Sahabat Baginda, raja-raja, pahlawan Islam, orang-orang soleh yang juga dikenali sebagai wali Allah dan seumpamanya (Ismail Hamid 1983).

Era peralihan Hindu-Buddha kepada Islam memperlihatkan ciri-ciri khas perubahan dalam gaya dan bentuk penulisan sastera rakyat dan sastera hikayat antaranya penggunaan aksara Jawi yang semakin meluas sedangkan sebelumnya manuskrip hikayat ditulis dalam aksara Kawi iaitu sistem tulisan Jawa kuno yang kuat pengaruh bahasa dan aksara Sanskrit (Ding Choo Ming & Moleh W. V. D. 2018).

Selain daripada itu, subjek dan kandungan hikayat juga sudah berubah daripada menceritakan tentang kisah-kisah dewa dewi yang berasaskan ajaran Hindu dan ajaran berkaitan roh dan hantu daripada kitab Buddha kepada kisah-kisah daripada tradisi Islam seperti kisah-kisah dalam al-Quran dan al-Hadis khususnya kisah para Nabi dan Rasul, kisah Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Baginda, kisah kepahlawanan, peperangan, orang-orang soleh dan seumpamanya (Ali Ahmad & Siti Hajar 1996).

Pengaruh hikayat Hindu dan Buddha dari sudut bentuk dan kandungan serta penggunaan istilah-bahasa masih wujud dengan ketara dalam hikayat sastera pasca Islam yang awal atau fasal peralihan Hindu-Buddha kepada Islam¹, selain daripada itu para pengarang hikayat pada zaman itu meskipun sudah mempunyai ruh keislaman, dakwah, daya kreativiti yang tinggi namun mereka tidak terlatih dengan tradisi dan disiplin periwayatan dalam ilmu-ilmu Islam khususnya *‘Ilm Riwāyah* dan *‘Ilm Dirāyah* sebagaimana ulama tafsir dan ulama hadis di negara-negara Islam di benua Arab, Parsi, Afrika dan India (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali 2014; Endang Soetari 2008). Kesannya adalah karya-karya hikayat khususnya karya Hikayat Melayu Berunsur Islam atau *Malay Islamic Hikayat* yang ditulis oleh mereka mempunyai unsur sinkretisme² agama dan budaya yakni tokoh

¹ Sebuah wacana yang berlawanan dengan mazhab arus perdana dibawa oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam melalui jujukan karya beliau, beliau menegaskan terdapat banyak kesalahan fatal dalam bacaan manuskrip Melayu klasik khususnya genre sastera sejarah kerana pembaca/pengkaji sama ada daripada kalangan Orientalis atau sarjana tempatan yang tidak menguasai dengan baik istilah-istilah asal Kawi-Jawa kuno yang kuat pengaruh Sanskritnya selain daripada pengaruh bahasa Arab, Parsi dan Urdu; Lihat Ahmat Adam (2017), *The New & Correct Date of The Terengganu Inscription*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre; _____ (2016), *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Histiriografi Malaysia*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre; _____ (2018), *Hikayat Hang Tuah (atau Hikayat Hang Tua)*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre; _____ (pylgr. dan pyntg.) (2019), *Hikayat Raja Pasai*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre; _____ (2020), *The Sejarah Melayu Revisited*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre; _____ (pgkj. dan pgnl.) (2016), *Sulalat u's-Salatin Yakni Per[itu]turan Segala Raja-raja (versi Krusenstern)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan

² Istilah ini belum wujud dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)* dalam talian. Namun istilah ini ada dimasukkan dalam sebuah buku berjudul *Istilah Sosiologi-Antropologi: Inggeris-Malaysia-Inggeris* (Dewan Bahasa Pustaka 1977: Page | 62

tambah pelbagai unsur luar sehingga boleh menghilangkan keaslian riwayat itu sendiri (Abdullah Taib 1985: 219-225; Syamsul Azizul 2017; Ros Aiza & Che Zarrina 2016).

Dari satu perspektif keadaan ini menunjukkan daya kreativiti dan kearifan tempatan yang luar biasa dimiliki oleh para pengarang Melayu pada zaman tersebut (Muhammad Haji Salleh 2000; Norazimah Zakaria 2016), namun daripada perspektif disiplin ilmu-ilmu Islam ia merupakan satu bentuk penyelewengan riwayat yang boleh memberi kesan kepada kefahaman dan aqidah umat Islam kerana kisah-kisah tersebut adalah berasal daripada al-Quran dan al-Sunnah yang bersifat sakral dan *a* (putus/muktamad) yang tidak boleh ditokok tambah sesuka hati (Al-Ashqar 1997; Al-Ashqar 2007).

Antara unsur yang wujud dalam karya Hikayat Melayu Berunsur Islam adalah kemasukan riwayat *Isrāʾīlyyāt* yang tidak ditapis dan disaring berdasarkan disiplin *ʿIlm Riwayah*. Kesannya adalah riwayat-riwayat yang sudah tercemar ini terus bertapak, berkembang dan disebarkan di Alam Melayu sehingga kini. Riwayat-riwayat *Isrāʾīlyyāt* ini diterima dan dianggap sebagai riwayat yang sah dan terus disebarkan melalui medium lisan dan tulisan, tanpa menyedari riwayat-riwayat *Isrāʾīlyyāt* yang batil ini boleh merosakkan keaslian dan kesucian kisah para Nabi dan Rasul sekali gus merosakkan kefahaman umat Islam terhadap ajaran Islam itu sendiri (Ahmad Zahiruddin & Mohamad Lokman 2019).

3.0 METODOLOGI

Makalah ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk deskriptif bagi merumuskan hasil kajian akademik berkaitan riwayat *Isrāʾīlyyāt* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin (2004), Salsabil Haji Mohd Zain (2012) dan Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz (2016) dijadikan sebagai asas hujah dalam kajian ini. Kedua-dua kajian tersebut diperkemas lagi dengan hasil kajian oleh Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz (2016).

4.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

4.1 Awal Mula Tradisi Penulisan Manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional

Teuku Iskandar (1995) melalui karya besar beliau berjudul *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad* menyusun secara lebih lengkap berbanding R. O. Winstedt (1969) tentang sejarah perkembangan sejarah karya kesusasteraan Melayu tradisional-klasik. Beliau bukan sahaja menyusun karya-karya tersebut berdasarkan era atau abad, beliau malah membahagikan pada rantau kekuasaan politik masing-masing.

Pada bahagian ini, kajian dibuat dengan meneliti karya-karya kesusasteraan tradisional-klasik yang sudah wujud sebelum munculnya karya tafsir al-Quran bertulisan Jawi dari Alam Melayu sekitar awal abad 17. Ini adalah berdasarkan kajian Peter G Riddell (2014: 120-139) yang mendapati manuskrip tafsir Jawi yang tertua di Alam Melayu berdasarkan sebuah manuskrip dengan nombor panggilan Camb. MS Or. Ii.6.45 yang dikatakan dihasilkan sekitar tahun 1600. Karya ini belum ditransliterasikan atau dikaji secara menyeluruh dalam bahasa Melayu. Riddell cuba menterjemahkan teks tafsirnya dalam bahasa Inggeris dalam makalah tersebut.

237, 479). Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* dalam talian (<https://kbbi.kemdikbud.go.id/entri/sinkretisme>), "... paham (aliran) baru yang merupakan perpaduan dari beberapa paham (aliran) yang berbeda untuk mencari keserasian, keseimbangan, dan sebagainya: upacara Syiwa Buddha adalah ungkapan -- agama Buddha dan Hindu."

Menurut Asmah Haji Omar (2015: 83-83) pula, karya bertulisan Jawi yang menggambarkan pengaruh Islam sudah cukup lama sehingga sudah mempunyai sistem aksara dan penulisan yang tersendiri yang terawal ialah terjemahan *'Aqā'id al-Nasafī* yang bertarikh 1590M (Al-attas 1989), namun sebahagian sejarawan pula berhujah berdasarkan bukti-bukti yang ada bahawa naskhah *Baḥr a-Laḥūt*, sebuah manuskrip tujuh helai muka surat yang mempunyai perbincangan mengenai konsep Nūr Muḥammad dan Martabat Tujuh yang dipercayai wujud pada abad ke-12 M yang mempunyai pengaruh besar dalam penulisan kitab *'aḳidah* dan *taṣawwuf* di Alam Melayu kemudiannya (Mahayudin Haji Yahaya 2001). Dalam masa yang sama, teks Jawi pada *Batu Bersurat Terengganu* (abad ke-14M) disahkan lebih tua dibandingkan dengan terjemahan *'Aqā'id al-Nasafī* (abad ke-16M), namun lebih muda dari naskhah *Baḥr a-Laḥūt* (abad ke-12M).

Menurut C. O. Blagden, *Batu Bersurat Terengganu* dipahat pada pada 1386M/788H, pendapat ini disokong oleh seorang sarjana Belanda, G. W. J. Drewes (Asmah Haji Omar 2015). Namun Al-Attas pula mengatakan yang lebih tepat adalah tahun 1303M bersamaan 702H, iaitu lebih awal dalam 83 tahun (Al-Attas 1984). Hujah Al-Attas kemudian disanggah oleh bekas muridnya sendiri iaitu, Ahmat Adam yang menulis buku bertajuk *Batu Bersurat Terengganu: Betulkah Apa Yang Dibicarakan Selama Ini?* yang berhujah bahawa tarikh yang lebih tepat ia ditulis adalah pada 1308M bersamaan dengan 708H, kritikan beliau terhalu kepada kesalahbacaan al-Attas terhadap beberapa kalimah asal tulisan Jawi yang menurut beliau sebenarnya adalah kalimah/bahasa Kawi-Jawa Kuno yang banyak dipinjam daripada bahasa Sanskrit (Ahmat Adam 2017).

Mengambil kira *Baḥr a-Laḥūt* (abad ke-12M) sudah menggunakan aksara Jawi maka para sarjana merumuskan bahawa sistem tulisan Jawi sudah mula dicipta, disusun dan digunakan lebih awal daripada abad ke-12 M, sekurang-kurangnya lebih awal seratus tahun atau lebih awal lagi. Namun para sarjana berbeza pandangan mengenai kandungan manuskrip tersebut. Mahayudin Haji Yahaya (2001: 43-58) membahaskan secara khusus mengenai doktrin atau teori Nur Muhammad dan Martabat Tujuh yang dibawa dalam naskhah tersebut yang kemudian menjadi pengaruh yang paling besar dalam tulisan-tulisan karya tasawuf ulama Alam Melayu kemudiannya, beliau merumuskan naskhah *Baḥr a-Laḥūt* mempunyai pengaruh dan doktrin Syiah. Doktrin Nur Muhammad dan Martabat Tujuh pula diasosiasikan dengan *aqidah Wahdatul Wujud* yang mana sebahagian sarjana Islam mengkategorikan ia sebagai fahaman yang sesat dan menyeleweng daripada *aqidah* Islam (Abdulfatah Haron 2008).

Dalam konteks Malaysia kini, terdapat dua buah fatwa mengenai fahaman Wahdatul Wujud. Satunya diwartakan dengan keputusan seperti berikut: “Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 29 Julai 2000 telah membincangkan mengenai Fahaman Wahdatul Wujud. Mesyuarat telah bersetuju dengan sebulat suara bahawa fahaman Wahdatul Wujud menyalahi *aqidah* Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam.” (<http://e-smaf.islam.gov.my/>). Keputusan yang sama juga difatwakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dengan perincian kitab-kitab yang mengandungi fahaman tersebut dan ia dilarang diajarkan di surau dan masjid (Jawatankuasa Muzakarah MKI) (<http://e-smaf.islam.gov.my/>).

Berbeza dengan fatwa-fatwa di atas, berkaitan konsep Nur Muhammad sebagaimana yang dinyatakan terkandung dalam *Baḥr a-Laḥūt* dan kitab-kitab lain seumpamanya, Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-6 pada 8 Zulkaedah 1422H/ 22 Januari 2002M membuat kesimpulan dan cadangan bahawa tidak semua fahaman dan pegangan Nur Muhammad adalah sesat, ini kerana konsep tersebut turut diterima oleh para ulama muktabar semisal Imam Ibn Hajar al-Haitami, Syaikh Ibrahim al-Baijuri, Sayyidis-Syaikh Ja'far al-Barzanji, Sulthanul Awliya' Syaikh Abdul Qadir

al-Jilani dan ramai lagi. Pihak Lembaga Fatwa Negeri Sarawak juga menegaskan sebab sebahagian pihak menyesatkan konsep dan fahaman Nur Muhammad adalah kerana salah faham (<http://e-smaf.islam.gov.my/>). Manakala terdapat juga sarjana yang menjelaskan kedudukan dan perbezaan konsep dan fahaman Martabat Tujuh (dan Wahdatul Wujud) dengan konsep dan fahaman yang menyeleweng dari Islam seperti Monisme dan Panteisme yang sering dikaitkan antara satu sama lain (Khalif Muammar 2015: 97-131).

4.2 Garis masa penulisan Hikayat-hikayat Melayu Tradisional

Jadual 1 di bawah ini memperlihatkan judul-judul yang disusun oleh Teuku Iskandar (1995) berdasarkan jeda waktu 1200-1600 M dan lokaliti pusat peradaban Alam Melayu ketika karya-karya tersebut dihasilkan:

Jadual 1. Senarai Judul Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional-Klasik (1200-1600)

KESUSASTERAAAN MALAYU-SINGAPURA (1200-1400)	
I.	KESUSASTERAAAN HINDU
	A. Ramayana
	1. Hikayat Seri Rama
	B. Mahabharata (Hikayat Pendawa)
	1. Hikayat Pendawa Panca Kelima
	2. Hikayat Pendawa Jaya
II.	KESUSASTERAAAN SEJARAH
III.	HIKAYAT KLASIK MALAYU (BELLES-LETTRES)
	1. Hikayat Puspa Wiraja
	2. Hikayat Langlang Buana
	3. Hikayat Dewan Mandu
	4. Hikayat Indera Patera
	5. Hikayat Parang Putting
	6. Hikayat Si Miskin atau Hikayat Marakarma
KESUSASTERAAAN PASAI (1250-1524)	
I.	BAHASA MELAYU PERSURATAN DAN EJAAN
II.	KESUSASTERAAAN
	A. Kesusasteraan agama
	B. Riwayat Hidup Nabi Muhammad
	1. Hikayat Nur Muhammad
	2. Hikayat Bulan Berbelah
	3. Hikayat Nabi Bercukur
	4. Hikayat Nabi Mi'raj
	5. Hikayat Nabi Wafat

C.	Cerita Rekaan Sekitar Nabi
1.	Hikayat Raja Jumjunah
2.	Hikayat Tamim al-Dari
3.	Hikayat Abu Samah
III.	HIKAYAT EPOS ISLAM
1.	Hikayat Iskandar Zulkarnain
2.	Hikayat Amir Hamzah
3.	Hikayat Muhammad Hanafiah
IV.	KESUSASTERAAN SEJARAH
A.	Hikayat Raja Pasai
1.	Hikayat Raja Pasai (dalam Sejarah Melayu)
2.	Hikayat Raja Pasai (Raffles MS 67)
V.	BAHASA BERIRAMA
VI.	PANTUN
VII.	CERITA BERINDUK
A.	Hikayat Bayan Budiman
B.	Hikayat Bayan Budiman (teks tertua)
KESUSASTERAAN MELAKA (1400-1511)	
I.	PERSURATAN
II.	KESUSASTERAAN AGAMA
A.	Durr al-Mandhum
B.	Kitab Mu'amalat
III.	KISAH NABI-NABI
A.	Qisas al-Anbiya'
1.	Hikayat Nabi Yusuf
2.	Hikayat Nabi Sulaiman
IV.	KISAH REKAAN MENGENAI PAHLAWAN-PAHLAWAN ISLAM DI SEKITAR NABI
A.	Hikayat Semaun
B.	Hikayat Raja Lahad
C.	Hikayat Raja Khandak
D.	Hikayat Amir ibn Umayyah
V.	UNDANG-UNDANG
A.	Undang-undang Melaka
B.	Undang-undang Laut Melaka
VI.	KESUSASTERAAN SEJARAH

A. Hikayat Melayu
VII. CERITA BERINDUK
A. Hikayat Bakhtiar
VIII. HIKAYAT JAWA
A. Hikayat Panji Kuda Semirang
B. Hikayat Cokeng Waneng Pati
C. Hikayat Misa Gumitar
IX. HIKAYAT KLASIK MELAYU
A. Hikayat Berma Syahdan
KESUSASTERAAN ACEH (1500)
I. KESUSASTERAAN KURUN KE-16
A. Naskhah-naskhah tertua
1. Nahu Bahasa Arab
2. ‘Aqā’id al-Nasafi
B. Koleksi Erpenius
1. Tafsir Surah al-Kahfi
2. Mukhtasar fi Ahkam al-Nikah
3. Syahadah
4. Peri kejadian Langit dan Bumi
5. Hikayat Yusuf
6. Hikayat Muhammad Hanafiah
7. Nasihat al-Muluk
8. Sebuah karya yang membincangkan ta’at kepada raja
9. Fasal pada pernyataan pakaian dimakan tikus
C. Karya-karya Puisi
1. Qasidah Burdah
2. Bad’ al-Amālī
3. Bunga rampai Puisi Tasawuf
a. Gubahan Abū Tammām
b. Gubahan Jalāl al-Dīn al-Rūmī
c. Gubahan Muṣliḥ al-Dīn Sa’dī
d. Gubahan ‘Umar Khayyām

Sumber: Teuku Iskandar (1995)

Teuku Iskandar memulakan penyusunan buku setebal 670 halaman ini dengan mendatangkan karya-karya kesusasteraan sejak zaman Kesusasteraan Sriwijaya (650-1200), oleh kerana ia tiada kaitan dengan kajian ini maka senarai karyanya tidak dimasukkan. Begitu juga karya-karya

Page | 67

Kesusasteraan Johor (1511-1779) yang tidak banyak berkaitan dengan fokus kajian ini. Manakala Kesusasteraan Aceh pula, hanya judul karya kurun ke-16 sahaja dimasukkan, manakala akhir kurun ke-16 dan 17 sehingga kurun ke-19 tidak dimasukkan. Kesusasteraan Palembang (1650-1824), Kesusasteraan Riau (1779-1911) dan Kesusasteraan Pusat-pusat Lain seperti Brunei, Banjar dan Patani juga tidak dimasukkan kerana ia sudah melepasi jeda waktu yang ditetapkan dalam kajian ini.

Susunan sejarah penulisan karya-karya tersebut oleh Teuku Iskandar dalam *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad* ini boleh dikatakan yang terlengkap berbanding tulisan-tulisan lain dalam genre sejarah kesusasteraan Melayu tradisional-klasik. Tidak sekadar menyusun judul, beliau juga menulis ulasan terhadap setiap judul yang dikemukakan tersebut.

Berdasarkan senarai yang dikemukakan, ternyata karya kesusasteraan yang bertemakan Riwayat Hidup Nabi Muhammad, Cerita Rekaan Sekitar Nabi, Hikayat Epos Islam sudah muncul di Aceh sekitar tahun 1200-1600. Pusat peradaban Islam yang kemudian berpindah ke Melaka dari Pasai menunjukkan munculnya hasil karya bertemakan Kisah Nabi-nabi, Kisah Rekaan Mengenai Pahlawan-pahlawan Islam Sekitar Nabi sekitar tahun 1400-1511. Selepas kejatuhan Melaka, Aceh mengambil peranan sebagai pusat peradaban Islam sekali gus memperlihatkan kebangkitan ulama-ulama Alam Melayu dan karya-karya ilmiah mereka yang dilabelkan sebagai Sastera Kitab oleh para pengkaji sastera daripada Orientalis dan pengikut mereka.

Bermula dari zaman itu sebenarnya, menandakan satu era baharu dalam cara gaya penulisan karya-karya oleh para penulis yang kebanyakannya bukan hanya penulis atau pujangga istana biasa seperti kurun-kurun sebelumnya, kerana kesemua penulis tersebut adalah para ulama Islam dari Alam Melayu sendiri yang kembali daripada rehlah ilmu mereka di negara-negara Islam di benua Arab atau India. Era penulisan gaya hikayat yang pengaruh besarnya daripada zaman Hindu-Buddha mula berubah, hala cara gaya penulisan dan persembahan karya mula dipengaruhi oleh cara gaya ulama-ulama daripada tradisi Islam Arab.

Pada zaman Pasai dan Melaka, boleh dirumuskan dakwah Islam berjalan dengan begitu hebat atas sokongan padu daripada pihak istana. Para ulama Islam dari segenap benua datang bertandang ke Pasai dan Melaka untuk mengajar segalanya tentang Islam, dari dalam istana hinggalah kepada rakyat marhaen sama ada dalam pengajian khas di pondok, surau dan masjid atau secara terbuka di rumah atau tempat khusus yang lain. Sudah pasti dalam pengajian tersebut antara topik yang akan disentuh adalah kisah Nabi dan Rasul yang terdahulu, kisah Nabi Muhammad SAW dan Sahabat r.a., kisah para ulama, para pahlawan dan raja-raja Islam, orang-orang soleh, kisah orang-orang sufi dan seumpamanya.

Pada peringkat awal semua maklumat ini disampaikan secara lisan atau secara berkitab oleh guru-guru pengajian Islam, daripada kalangan pendengar ini sebahagiannya adalah daripada kalangan yang terpelajar dan sudah pandai menulis dan membaca. Kebiasaannya mereka ini daripada kalangan bangsawan atau orang istana. Mereka mula menulis pengajian dan kisah-kisah yang mereka dengari daripada guru-guru mereka berdasarkan ingatan dan tidak mustahil secara sengaja atau tidak mereka menokok tambah kisah-kisah tersebut. Ini adalah satu kebiasaan dalam tradisi sastera lisan dan sastera hikayat yang merupakan latar tradisi pengkisahan kesusasteraan semenjak zaman Hindu-Buddha lagi.

Pengaruh sinkretisme budaya dan agama yang dilakukan dengan sengaja jelas dalam karya genre Cerita Rekaan Sekitar Nabi seperti *Hikayat Raja Jumjunah*, *Hikayat Tamim al-Dari*, *Hikayat Abu Samah*. Hal yang sama berlaku pada jenis Hikayat Epos Islam antaranya *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Di Melaka muncul Kisah

Rekaan Pahlawan-pahlawan Islam Sekitar Nabi seperti *Hikayat Semaun*, *Hikayat Raja Labad*, *Hikayat Raja Khandak* dan *Hikayat Amir ibn Umayyah*. Tanpa bakat, imaginasi dan kreativiti yang luar biasa mustahil karya-karya sebegini mampu dihasilkan. Justeru daripada perspektif kesusasteraan tidak dapat dinafikan ia adalah sebuah bukti kearifan tempatan yang wajar dibanggakan.

Di sana tetap ada percubaan untuk meriwayatkan kisah-kisah Riwayat Hidup Nabi Muhammad seperti *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Nabi Mi'raj* dan *Hikayat Nabi Wafat* secara lebih berdisiplin, namun kajian-kajian yang sudah dibuat terhadap sebahagian daripada manuskrip-manuskrip ini menunjukkan ia tidak terlepas daripada unsur tokoh tambah yang melampau seolah-olah periwayatan kisah-kisah ini berlaku tanpa sebarang sandaran kepada disiplin ilmu *'Ilm Riwayah* dan *'Ilm Dirayah*, sedangkan kisah-kisah ini termasuk dalam kategori kisah *ghaibiyat* dan *sam'iyat*, perlu diketahui sumber asalnya apakah ia bertepatan dengan kisah-kisah yang ada dalam al-Quran dan al-Hadis yang sahih atau sebaliknya. Hal yang sama juga berlaku kepada periwayatan karya genre Kisah-kisah Nabi yang terdahulu daripada Nabi Muhammad SAW seperti *Hikayat Nabi Yusuf* dan *Hikayat Nabi Sulaiman*.

Meskipun kemudian, tafsir al-Quran lengkap 30 juzuk muncul ditulis oleh seorang tokoh ilmuwan sufi dan fiqh yang penting di Alam Melayu iaitu Shaykh 'Abd al-Ra'uf Singkel al-Fansūrī (Abdul Salam & Ridwan Arif 2018: 207-245) terbukti bahawa dalam karya beliau yang berjudul *Tafsir Tarjuman al-Mustafid* juga tidak terlepas daripada pengaruh riwayat Isrā'iliyyāt (Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib 2013).

4.3 Sebahagian Hasil Kajian Riwayat Isrā'iliyyāt dalam Karya-karya Tersebut

Sebuah disertasi sarjana Usuluddin dan tesis doktor falsafah Usuluddin yang mengkaji secara khusus mengenai riwayat Isrā'iliyyāt dengan menjadikan beberapa manuskrip Melayu-Jawi terpilih dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya membuktikan dakwaan di atas.

Kajian yang dimaksudkan ialah Salsabil Haji Mohd Zain (2012) melakukan kajian sarjana Usuluddin bertajuk *Isrā'iliyyāt dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi*. Hikayat Mukjizat Nabi terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'raj Nabi*. Namun, ketiga-tiga hikayat tersebut mempunyai banyak versi dan pengkajinya hanya mengambil dan memfokuskan kajian kepada *Hikayat Nabi Bercukur* (MSS 2706 C), *Hikayat Nabi Mi'raj* (MSS 3411) dan *Hikayat Bulan Berbelah* (MSS 2706 B) sebagai sampel kajian. Kajian ini mendapati riwayat yang paling mendominasi dalam ketiga-tiga manuskrip tersebut adalah riwayat Isrā'iliyyāt jenis *mardūd* yakni yang tertolak kerana bertentangan dengan Syariat Islam.

Manakala Rosmawati Ali @ Mat Zin (2004) menulis kajian doktor falsafah Usuluddin berjudul *Riwayat Isrā'iliyyāt: Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadis di Alam Melayu*. Skop kajian tesis PhD beliau hampir sama dengan skop kajian sebelum ini. 17 buah manuskrip yang dikaji oleh Rosmawati bukanlah *per se* manuskrip hadis atau ilmu hadis, namun ia manuskrip Melayu-Jawi pelbagai genre yang mempunyai hadis-hadis yang pelbagai termasuk hadis yang mempunyai unsur Isrā'iliyyāt. Pengkaji telah membahagikan analisisnya kepada empat skop utama iaitu: 1. Rahsia kejadian alam, 2. Kisah para rasul, 3. Umat-umat terdahulu, dan 4. Hari akhirat dan *ghaibiyat*. Kajian tersebut mendapati terdapat pelbagai faktor bagaimana riwayat Isrā'iliyyāt mempengaruhi manuskrip-manuskrip Melayu sehingga menjadi dominan berbanding dengan riwayat yang sahih.

Daripada 17 buah manuskrip tersebut antara yang menepati kriteria tema dan jeda masa yang dikaji di sini ialah:

1. Hikayat Iskandar Zulkarnain, MS 288, PMM-PNM

2. Hikayat Nabi Ayub, MSS 1664, PMM-PNM
3. Hikayat Nabi Daud, MSS 1568, PMM-PNM
4. Hikayat Nabi Sulaiman, MSS 2247, PMM-PNM
5. Sejarah Anbiya', MSS 1663, PMM-PNM
6. Rangkaian Kisah Nabi-nabi dan Hukum-hukum Fiqh, MSS 480, PMM-PNM

Kesemua manuskrip di atas, selain *Hikayat Iskandar Zulkarnain* tidak diketahui pernah ditransliterasi dan diterbitkan atau tidak, sama ada oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah siri Sastera Klasik atau mana-mana penerbit lain.

Antara kesimpulan yang dibuat oleh kedua-dua pengkaji tersebut ialah keberadaan riwayat Isrā'īlyyāt memang banyak dan ketara dalam manuskrip-manuskrip yang dikaji sama ada zaman sebelum tahun 1600 atau selepasnya. Majoriti daripada riwayat Isrā'īlyyāt tersebut pula dalam kategori *mardūd* yakni yang tertolak kerana jelas bertentangan dengan syariat Islam khususnya aqidah. Selain daripada itu, unsur rekaan oleh pengarang juga kuat contohnya pada penulisan dialog-dialog dalam hikayat-hikayat tersebut.

Antara penemuan yang menarik pada bahagian ini adalah kajian terhadap sebuah manuskrip himpunan 33 kisah Nabi dan Rasul bertajuk *Surat al-Anbiya'* oleh Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz (2016). Fokus kajian beliau yang menggunakan metod analisis perbandingan adalah untuk melihat sama ada karya Sastera Hikayat Melayu Tradisional-Klasik-Lama tersebut khususnya Hikayat Melayu Berunsur Islam yang menceritakan kisah Nabi dan Rasul mempunyai persamaan atau perbezaan dengan kisah-kisah Nabi dan Rasul yang terdapat dalam Bible. Kajian tersebut bertajuk *Kisah Bible dalam Hikayat Masyarakat Melayu: Kajian Terhadap Surat Al-Anbiya*. Hasil kajian beliau menunjukkan banyak kisah dalam *Surat Al-Anbiya'* mirip dengan kisah-kisah Nabi dan Rasul yang wujud dalam Bible/Alkitab.

Secara khusus kajian tersebut telah membandingkan kisah Nabi Adam a.s., Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Lut a.s., Nabi Ishak a.s., Nabi Yaakob a.s. dan Nabi Yusuf a.s. Kajian tersebut mendapati bahawa memang terdapat persamaan yang ketara antara kisah-kisah Nabi dan Rasul versi hikayat *Surat Al-Anbiya'* dengan kisah-kisah yang dipaparkan dalam Bibel/Alkitab (Mohd Khairul Nizam 2016: 107-141).

Menurut Mohd Khairul Nizam (2016: 144): "Penulis mendapati bahawa naskhah ini berbeza dan banyak mengandungi cerita yang tidak bertepatan dengan tafsiran dalam al-Qur'an. Penulis juga meneliti terdapat beberapa kisah yang sama seperti digambarkan dalam Alkitab. Apa yang menarik berhubung hikayat ini adalah isi kandungan kisah para nabi yang bersamaan dengan kisah Bible berhubung kisah para nabi. Alkitab juga ada menceritakan berkenaan kisah para nabi yang dimulakan dengan penciptaan bumi dan seterusnya kejadian Adam dan kemudiannya diikuti dengan Eve. Penulis mendapati terdapatnya beberapa persamaan antara isi kandungan Surat al-Anbiya' dengan intisari yang terkandung dalam Alkitab." Secara umum, sumber-sumber daripada agama Nasrani yang tiada sumber yang sahih daripada al-Quran dan al-Sunnah akan dikategorikan sebagai Isrā'īlyyāt.

Kajian ini mendapati ketiga-tiga pengkaji tersebut tidak menyatakan bahawa para penulis atau penyalin manuskrip yang majoritinya tidak diketahui siapakah mereka sebenarnya memang berniat atau dengan sengaja mahu merosakkan citra kisah Nabi dan Rasul serta kisah-kisah ghaib yang lain, namun mereka lebih kepada mahu mengsensasikan kisah-kisah tersebut berkemungkinan untuk menarik minat seramai mungkin masyarakat awam yang pada masa itu rata-rata belum tinggi

kefahaman tentang agama Islam selain menyesuaikan dengan tradisi penulisan hikayat zaman peralihan Hindu-Buddha kepada Islam yang masih kuat pengaruh hikayat dewa dewi agama Hindu dan kepercayaan roh dan hantu agama Buddha.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dikemukakan oleh ketiga-tiga pengkaji tersebut, terbukti dari sudut garis masa bahawa riwayat Isrā'īlyyāt sudah tiba, bertapak dan menyebar di Alam Melayu semenjak sebelum munculnya karya-karya tafsir berbahasa Melayu iaitu sebelum tahun 1600M atau abad ke-17. Bukan sahaja riwayat Isrā'īlyyāt, bahkan sebahagian daripada cerita-cerita asing yang merosakkan citra keaslian kisah-kisah wahyu berkaitan Nabi dan Rasul yang berasal daripada campur tangan penghikayat lisan, penulis dan penyalin manuskrip-manuskrip tersebut juga jelas wujud dalam hikayat-hikayat kategori Hikayat Melayu Berunsur Islam tersebut. Kajian lanjutan bagi mengtakhrij dan mentahqiq karya-karya bertemakan kisah Nabi dan Rasul perlu dilakukan dengan komprehensif dan diterbitkan semula sebagai rujukan para akademia dan orang awam.

Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kajian ini.

Senarai Rujukan

- Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali. (2014). *Pengantar Usul Al-Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Abdul Salam Muhammad Shukri & Ridwan Arif. (2018). "The Role of Shaykh Abd al-Ra'uf al-Fansuri in The Reconciliation of Sufism and Shari'ah pf 17th Century The Malay World". *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 23(1), 207–245
- Abdulfatah Haron Hj. Ibrahim. (2008). *Pengaruh Asing Terhadap Kefahaman Allah-Muhammad*. Cet. ke-4. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Abdullah Taib. (1985). *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Yunus Mohd Noor, Zahidah Zainal Abidin. (2018). "Perbahasan Isra'iliyyat Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah". *ISLAMIIYYAT* 40(1), 23-30
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Mohamad Lokman Mohd Salleh (penysn.). (2019). *40 Hadis Sahih Kisah Ghaib & Ajaib*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Ahmat Adam. (2017). *The New & Correct Date of the Terengganu Inscription*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre
- Al-'Ashqar, 'Umar Sulaymān. (1997). *Ṣaḥīḥ Qaṣaṣ al-Nabawī*. 'Ammān: Dār al-Nafā'is li al Nashr wa al-Tawzī'
- Al-'Ashqar, 'Umar Sulaymān (2007). *Qīṣaṣ al-Ghayb fī Ṣaḥīḥ al-Ḥadīth al-Nabawī*. 'Ammān: Dār al-Nafā'is li al-Nashr wa al-Tawzī'
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1984). *The Correct Date of the Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1989). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn. (t.t). “al-Isrāʾīliyyāt fi al-Tafsīr wa al-Ḥadīth”. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah. <http://waqfeya.com/book.php?bid=87> Retrieved on 29 Nov 2022
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che’ Man. (1996). *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che’ Man. (2005). *Tasawwur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Penerbit USM
- Annas Haji Ahmad. (1982). *Sastera Melayu Lama dan Baru* (Cetakan Baru). Cet. ke-16 edisi pertama tahun 1964. Petaling Jaya: Syarikat Cahaya
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhan Yusoff & Fadlan Othman. (2013). “Metodologi Shaykh Muhammad Saʿid bin ʿUmar dalam Penggunaan Hadis: Kajian Analisis dan Kritis Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan”. *Islamiyyat* 35 (1), 39 - 47
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1977). *Istilah Sosiologi-Antropologi*: Inggeris-Malaysia-Inggeris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ding Choo Ming, Moleh, W. V. D. (eds.). (2018). *Traces of the Ramayana and Mahabharata in Javanese and Malay Literature*. Singapore: ISEAS Publishing
- Endang Soetari. (2008). *Ilmu Hadis Kajian Riwayat dan Dirayah*. Bandung: Mimbar Pustaka.
- Hashim Musa. (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani. (2002). *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Hamid. (1983). *The Malay Islamic Hikayat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Logman Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2000). “Fahaman Wahdatul Wujud”. *JAKIM*. Akses 6 Ogos 2022. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10645>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2000). “Wahdatul Wujud”. *JAKIM*. Akses 6 Ogos 2022. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15316>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2002). “Nur Muhammad Menurut Ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah”. *JAKIM*. Akses 6 Ogos 2022. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11417>
- Khalif Muammar A. Haris. (2015). “Faham Waḥdat al-Wujūd dan Martabat Tujuh dalam Karya Shaykh ʿAbd al-Ṣamad al-Falimbān?”. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 8, 97–131
- Liaw Yock Fang. (2016). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Cet. ke-2. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia
- Mahayudin Haji Yahaya. (2000). *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mana Sikana. (2003). *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel Mohamad. (2004). “Israiliyyat dalam Kitab Tafsir Anwar Baidhawi”. *Islamiyyat* 26 (2), 23-37
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Muhd Najib Abdul Kadir. (2013). *Pengenalan Tokoh-Tokoh dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit UKM
- Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz. (2016) “Kisah Bible dalam Hikayat Masyarakat Melayu: Kajian Terhadap Surat Al-Anbiya”. Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Mohd. Taib Osman. (1974). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Shah Alam: Federal Publication.

- Muhammad bin Muhammad Abū Shahbah. (1408H.) *al-Isrā'īlyyāt wa al-Mawdū'āt fī Kutub al-Tafsīr*. Cet. ke-7. Al-Qāhirah: Maktabah al-Sunnah. <http://waqfeya.com/book.php?bid=83> Retrieved on 29 Nov 2022
- Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (terj.). (2014) *Isrā'īlyyat dan Hadis Palsu dalam Kitab-kitab Tafsir (Edisi Baharu)*. Cet. ke-2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Hussin al-Zahabi (terj.). (2011). *Kisab Isrā'īlyyat dalam Tafsir dan Hadis*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Mustafa Mohd Isa. (2000). *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
- Norazimah Zakaria. (2016). *Kanon Melayu*. Bangi: UKM Press
- Ramzī Na'nā'ah. (1970). *al-Isrā'īlyyāt wa al-Athārubā fī Kutub al-Tafsīr*. Damshiq: Dar al-Qalam. <http://waqfeya.com/book.php?bid=866> Retrieved on 29 Nov 2022
- Riddell, P. G. (2017). *Malay Court Religion, Culture and Language: Interpreting the Qur'an in 17th Century Aceh*. Leiden: BRILL
- Riddell, P. G. (2014). "Camb. MS Or. Ii.6.45: The Oldest Surviving Qur'anic Commentary from Southeast Asia". *Journal of Qur'anic Studies*. 16(1), 120-139.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. (2016). "Sinkretisme dalam Adat Tradisi Masyarakat Islam". *Jurnal Usuluddin*, 43 (Januari-Jun), 69-90
- Ros Aiza Mohd Mokhtar. (2015). "Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Adat dan Kepercayaan Masyarakat Kedayan". Tesis Ph.D., Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Latifah Abdul Latif. (2008). *Malay Manuscript: An Introduction*. Kuala Lumpur: IAMM Publications
- Rosmawati Ali @ Mat Zin. (2004). "*Riwayat Isrā'īlyyāt: Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadis di Alam Melayu*". Tesis Ph.D, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Salsabil Haji Mohd Zain. (2012). "*Isrā'īlyyāt dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi*". Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Syamsul Azizul Marinsah. (2017). "*Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam*". Tesis Ph.D., Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraa Melayu Universiti Brunei Darussalam
- Wan Ali Wan Mamat. (2014). *An Introduction to Malay Manuscript*. Gombak: IIUM Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS) dan Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM)
- Winstedt, R. O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Zalila Syariaf, Jamilah Haji Ahmad (pylgr.). (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2005). "Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan". *Jurnal Pengajian Melayu*. 16, 156-173